

13/10/2001

Kerajaan tidak sokong hasrat Pas

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan berpendapat hasrat ahli Pas ingin ke Afghanistan untuk berperang bersama militan Taliban menentang Amerika Syarikat, sebagai tindakan membuang masa.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun ahli Pas yang mahu berbuat demikian tidak akan dihalang, pada masa yang sama kerajaan tetap tidak menyokong tindakan mereka.

"Jika mereka ingat mereka hendak pergi, mereka boleh pergi dan kita tidak menghalang mereka tetapi kita tidak menyokong mereka... saya rasa mereka hanya membuang masa mereka," katanya selepas merasmikan Persidangan Menteri Pelancongan Islam kedua, hari ini.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa Rabu lalu berkata, parti itu telah mengisytiharkan jihad menentang Amerika dan memberikan lampu hijau bagi penyokongnya pergi ke Afghanistan berperang bersama Taliban.

Ditanya sama ada keputusan Pas itu akan merumitkan lagi keadaan, Dr Mahathir berkata: "Mereka berhak melakukan jihad tetapi saya tidak fikir ada yang akan menyahut seruan itu."

Ketika menjawab soalan sama ada Pas melalui tindakannya itu membuktikan ia parti ekstremis, Perdana Menteri berkata itu adalah usaha mereka untuk memancing undi.

"Pas sedang cuba memancing undi dengan menonjolkan diri sebagai amat fanatik mengenai usaha mempertahankan Islam tetapi Pas sebenarnya telah merosakkan Islam dengan memecah-belahkan orang Islam di negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, apa yang dilakukan oleh Pas selama ini hanyalah melemahkan umat Islam di negara ini.

"Mereka telah melemahkan kita... itu saja yang mereka telah lakukan. Mereka tidak melakukan apa-apa untuk Islam," katanya.

(END)